

Kritik atas Pencerahan: Komentaran Foucault terhadap Kant

MEGAT HANIS

1 Pengenalan

Makalah ini bertujuan merungkai persoalan-persoalan dan kenyataan yang dibangkitkan Foucault dalam esei *What Is Enlightenment* beliau sebagai ulang tahun 200 tahun persoalan yang sama dipertanyakan oleh majalah *Berlinische Monatsschrift* pada 1784. Dalam masa yang sama, atmosfera perbincangan tentang wacana subjek dan estetik diri Foucault di akhir hayatnya mempunyai kaitan rapat dengan idea estetik Charles Baudelaire. Implikasinya, kritik Foucault terhadap Pencerahan haruslah mempunyai kaitan yang relevan bagi kritik sosial era ini.

Kant menjawab secara ringkas tentang projek Pencerahan yang ditanggapi sebagai upaya manusia melepaskan diri dari ketidakmatangan, yakni menggunakan kapasiti akal sendiri tanpa telunjuk autoriti. Respons Foucault mempunyai dua tujuan, satu adalah sebagai kesinambungan projek di akhir karier falsafah beliau, yang mula mengalihkan pandangan terhadap persoalan etika dan subjektiviti secara lebih tuntas; kedua ialah sebagai jawapan balas terhadap Jurgen Habermas yang melalui tulisannya bertajuk *Der philosophische diskurs der moderne* pada tahun 1983, menurut Foucault ialah salah faham terhadap projek falsafah beliau.

Dalam tulisan-tulisan di akhir hayat hidupnya, Michel Foucault menghadapkan projek rasional Pencerahan untuk kritikan semula. Seringkali analisa Foucault bukan mengajak kita untuk melihat sejarah melalui kaca mata “kebenaran saintifik” yang kering, akan

tetapi membuka ruang bagi mempersoalkan semula batas-batas kebebasan individu, agar bermanfaat bagi golongan marginal dan tertindas; dan, memanfaatkan “estetik kritikal” terhadap diri sebagai strategi memaknai kewujudan mereka.

Di akhir makalah ini nanti, saya juga akan meneliti dilema-dilema dalam sistem pemikiran Foucault tentang subjek dan autonomi, melalui konsep estetik diri, yang mana dalam percubaan dibina atas tapak moderniti Kantian, menghadapi masalah baru seperti tiada fondasi normatif yang kukuh, masalah konsep kebebasan Pencerahan dan juga kekurangan analisis tentang konsep kebenaran bagi mendokong idea “*Parrhessia*” Foucault.

2 Foucault dan Pencerahan Kant

Foucault mengingatkan kita bahawa bukan Kant seorang sahaja ahli falsafah yang cuba menjawab persoalan ini dan merefleksi keadaan semasa era beliau. Malah menurut beliau:

Was ist Aufklärung?...marks the entry into the history of thought...of a question that modern philosophy has not been capable of answering, but that it has never managed to get rid of, either...From Hegel through Nietzsche or Max Weber to Horkheimer or Habermas, hardly any philosophy has failed to confront this same question, directly or indirectly¹

Malah cubaan menjawab persoalan, kritikan terhadap semasa (*present*) ini datang dengan tiga trend utama:

1. Semasa (*present*) dianggap sebagai sebuah era, yang mempunyai ciri-ciri yang unik dari yang lain kerana peristiwa tertentu.
2. Semasa dianggap sebagai membawa petanda peristiwa akan datang.
3. Semasa dianggap sebagai momen transisi ke arah dunia baru.

Bagi Foucault, Kant membawa pendekatan baru dalam merefleksi tentang semasa yakni bukan sebagai era, atau petanda peristiwa akan datang, atau transisi ke arah dunia baru yang tercerah, akan tetapi *Aufklärung* didefinisikan secara negatif, sebagai *Ausgang*, yakni “jalan keluar” (*exit*). Maka beliau bukan mencari totaliti dalam cubaan memahami semasa, mahupun untuk memahami pencapaian masa hadapan, akan tetapi mencari sebuah kelainan, yakni, apakah yang berbeza hari ini berbanding yang semalam? Cubaan refleksi kritikal

¹Foucault 1984, hlm. 32.

adalah untuk mendefinisikan apakah kondisi yang menyebabkan penggunaan akal itu sah demi menentukan apa yang boleh diketahui, apa yang perlu dilakukan, dan apa yang boleh kita harapkan.

Malah memahami Pencerahan bukan untuk mencari pergerakan sejarah yang mempunyai *telos* (*purpose*), akan tetapi proses yang membebaskan kita dari perbudakan/ketidakmatangan yang merupakan bukan sahaja tugas individu malah tugas yang perlu dijunjung secara kolektif. Ia merupakan tugas yang memerlukan manusia menggunakan kapasiti akalnya tersendiri tanpa bergantung kepada mana-mana autoriti. Sikap kritikal terhadap semasa ini ialah apa yang Foucault sebut sebagai "*attitude of modernity*". Di saat ini, Foucault tidak melihat Pencerahan sebagai sebuah *period* dalam sejarah akan tetapi sebagai penyikapan terhadap realiti kontemporari melalui pemikiran dan perasaan yang dibuat secara sukarela sebagai tugas untuk memposisikan diri dalam relasinya dengan semasa. Praktik ini juga disebut Foucault sebagai "*philosophical ethos*". Saya jelaskan tentang ini dalam segmen ketiga, khusus tentang kaitan "*philosophical ethos*" yang dimaksudkan Foucault berkaitan dengan etika/subjektiviti/kebenaran.

Sudah tentu, pendekatan Foucault terhadap Pencerahan penghujung hayatnya ini seolah sebuah "*ethical/subjectivist/truth turn*", yang berbeza dengan karya diawalnya melalui metodologi arkeologikal dan genealogikal yang sering dianggap sebagai projek "anti-Pencerahan". Di awal kariernya, pandangannya terhadap subjek sangat pesimis dalam erti kata bahawa kesan pengaruh luar/modern episteme yang dibentuk sejak kurun 18, melalui disiplin-disiplin ilmu yang "objektif", telah memenjarakan manusia/subjek dalam kategori-kategori ilmu yang dianggap saintifik ini. Kesannya subjek seolah hilang autonomi dan hampir mustahil untuk berfikir di luar relasi kuasa/pengetahuan yang bertujuan untuk mendefinisi, menjelas, mengklasifikasi dan mengawal keseluruhan hidup subjek melalui teknik-teknik kuasa yang kompleks.

Perjalanan karya Foucault boleh digambarkan dalam dua fasa. Fasa pertama kita gelar sebagai "*Galileoan turn*" dalam erti kata manusia/bumi bukan lagi menjadi paksi di mana seluruh jagatraya berputar. Inilah figura subjek/manusia moden versi Pencerahan, yakni setelah membuang Tuhan/tradisi agama sebagai daya (*force*) yang memberi makna, tujuan hidup, esensi; kini manusia mengambil alih tugas Tuhan dan mempunyai autonomi penuh untuk memberi makna terhadap dirinya dan menentukan destinasiya. Namun Foucault menerbalikkan ini, dan menunjukkan subjek/manusia

hanyalah bahagian/produk jagatraya/bahasa/wacana dan relasi kuasa/pengetahuan yang membentuk dirinya. Malah disebabkan itu terma “subjek” lebih tepat dari terma “manusia” kerana subjek adalah entiti yang sentiasa di “subjektifikasi” oleh daya luar.

Fasa kedua Foucault, wajar digambarkan sebagai “*the ethical turn*” seperti mana “*Socratic Turn*” yang mengalihkan tumpuan dari perbincangan kosmologi terhadap manusia dan moral. Namun, tidaklah kita berlaku adil terhadap Foucault jika ingin menyamakan projek etika dan subjektivitinya dengan projek etika dan moral Socrates walaupun tidak dinafikan Socrates ialah contoh “*par excellence*” subjek yang mengamalkan “*Parrehesia act*”. Ini akan kita bincang dalam segmen ketiga juga. Projek Foucault di fasa kedua ialah cubaan memberi nafas baru terhadap subjektiviti, memberinya sesuatu seperti autonomi, akan tetapi yang tidak berpijak pada esensi/kebenaran akal yang universal dan *ahistorical*. Ini kerana subjek yang mempunyai kesatuan, tidak lagi dapat dipertahankan, subjek telah pun “*fragmented*” bukan sahaja pada diri subjek sendiri, malah kedudukannya di dalam “*historicized discourse, set of power relations*”. Dalam erti kata lain “*unified subject*” telahpun “mati”. Seperti sabda beliau,

*One has to dispense with the constituent subject, and to get rid of the subject itself, that's to say, to arrive at an analysis which can account for the constitution of the subject within a historical framework.*²

Jadi, kita boleh mengerti “*constituent subject*” ini adalah “*subject in a cage*” yang perlu dianalisa dan dijalankan kritik ke atasnya. Namun begitu, kita harus ingat relasi kuasa/pengetahuan yang memenjarakan subjek ini bukanlah kuasa Maha Kuasa yang tidak terkalahkan. Foucault mengingatkan bahawa,

*I am just saying: as soon as there is a power relation, there is a possibility of resistance. We can never be ensnared by power: we can always modify its grip in determinate conditions and according to a precise strategy.*³

Maka kita dapat fahami di sini bahawa perlawanan (*resistance*) terhadap kuasa bukanlah dalam erti kata bertujuan untuk membuang sangkar/penjara normalisasi kuasa untuk membebaskan diri kita yang mempunyai esensinya. Pendek kata, seolah-olah yang dibebaskan dari hasil perlawanan ini nanti ialah “*unified subject*”,

²Foucault & Gordon 1980, hlm. 117.

³Foucault 1988.

yang universal dan *ahistorical*, yang tidak lagi dikurungkan. Foucault menolak konsep ini. Baginya, pembebasan adalah sebuah proses yang tidak akan berhenti. Kebebasan bukan sebuah destinasi seperti syurga. Yakni selepas melepasi semua halangan, subjek akhirnya sampai ke satu “*state of freedom*” di mana “*inner potential, truthful essence*” subjek dapat dimaterialisasi. Ini semua ialah janji manis yang ditolak oleh Foucault. Dalam upaya kebebasan, kebahagiaan bukanlah sebuah janji ataupun hadiah bagi sang subjek yang telah bebas. Kebebasan adalah praktik yang sentiasa kontinjen, berubah, mengikut era yang spesifik, melalui set relasi kuasa/pengetahuan yang berubah.

3 Projek Akal/Rasional Foucault

Kita hairan, bagaimana karya genealogi Foucault, yang menyatakan subjek sebagai produk wacana dan hubungan kuasa-pengetahuan, yang mana tidak dapat mencapai apa-apa tahap subjek yang berautonomi, bagaimana tiba-tiba dapat bercakap tentang proses pencerahan? Bagaimana subjek yang kehilangan autonomi ini tiba-tiba dapat menguji batas terhadap dirinya sendiri?

Melalui pembacaan yang teliti, kita mengerti bahawa Foucault mencuba menawarkan solusi yang lebih konstruktif terhadap keupayaan dan kemungkinan individu untuk memberi impak pada perubahan terhadap dirinya di dalam situasi sejarah yang tertentu. Ini sudah tentu memerlukan bantuan dari konsep-konsep pencerahan. Dan kritik Foucault dapat dimulakan dengan definisi Pencerahan Kant bahawa :

Enlightenment is man’s release from his self-incurred tutelage. Tutelage is man’s inability to make use of his understanding without direction from another. Self-incurred is this tutelage when its cause lies not in lack of reason but in lack of resolution and courage to use it without direction from another. Sapere aude! (Dare to know!) “Have courage to use your own reason!” – that is the motto of enlightenment.

Formula Kant mudah. Dengan penggunaan akal yang betul, individu akan mendapat autonomi untuk membebaskan dirinya dari perhambaan. Foucault menganggap Pencerahan adalah era kritikan. Merespon terhadap idea Kant, Foucault menegaskan kepentingan menggunakan akal untuk menyiasat diri sendiri yang mana aktiviti ini memerlukan entiti kesejarahan dan praktikal berbanding keterberian ontologi dan transendental.

Malah, tujuan autonomi Foucault bukanlah untuk mencapai tahap kematangan moral yang impersonal dan transenden, akan tetapi untuk menolak pengabdian terhadap “kawalan terhadap individualis” dengan sentiasa mempersoalkan apa yang tampak seperti semula jadi dan termaktub bagi identiti seseorang: ianya penyiasatan terhadap batas-batas terhadap apa yang mungkin.⁴ Bagi beliau, subjek itu mempunyai autonomi dalam erti kata ia berupaya menjalankan kritikan, akan tetapi ianya nyah-nilai transendental dan ketidaksejaran kerana ia sentiasa disituasikan dalam sejarah dan bersifat kontekstual. Oleh itu, seperti yang disebut Foucault :

*The historical ontology of ourselves must turn away from all projects that claim to be global or radical...for we know from experience that...the claim to escape from the system of contemporary reality as to produce the overall programs of another society, of another way of thinking, another culture, another vision of the world, has led only to the return of the most dangerous tradition.*⁵

Dalam versi Pencerahan Foucault, subjek sebagai individu rasional yang berautonomi tidak terikat dengan idea kesatuan subjek rasional yang berdiri dengan sendirinya. Sebaliknya, beliau mendakwa terdapat beberapa bentuk rasionaliti yang khusus pada waktu-waktu tertentu, di mana pada akhirnya akal tidak akan dapat menemui zat/esesinya atau tapak berpijaknya akan tetapi hanyalah salah satu dari modifikasi yang membolehkan bentuk-bentuk rasionaliti berinteraksi antara satu sama lain, sama ada mendukungnya atau bercanggah dengan satu sama lain.⁶

Kepelbagaian bentuk akal ini tidak bermakna bahawa seseorang boleh memilih untuk tidak menggunakan akalnya bagi mengkritik tindakan rasionaliti yang lain. Dengan mempluralisasikan akal, Foucault tidak memaksudkan bahawa “apa sahaja boleh” akan tetapi ianya adalah kondisi wajib bagi pembentukan individu berautonomi, walaupun praktik kritikal ini tidak boleh disandarkan pada prinsip akal universal. Maka, telah jelas bagi kita bahawa Foucault tidak langsung berniat menekankan tentang keutamaan akal, akan tetapi tentang apakah kondisi yang perlu bagi mengupayakan seseorang untuk bertindak terhadap situasi sejarah yang didiami secara kritikal dan kreatif. Implikasinya, dengan fragmentasi akal dan sejarah, mustahil untuk subjek menggapai “*absolute knowledge*”

⁴Foucault 1984, hlm. 43.

⁵Foucault 1984, hlm. 46.

⁶Foucault 1983, hlm. 443.

Malah, mengikot nuasa Kant “*Dare to Know*” yang dalam terma Foucault “*the will to knowledge*”, seringkali membawa kepada keganasan dan kemusnahan. Seringkali “*for the sake of knowledge*”, kita mengorbankan diri kita menjadi objek terhadap pengetahuan yang kita cari. Foucault bersabda:

Where religions once demanded the sacrifice of bodies, knowledge now calls for experimentation on ourselves, calls us to the sacrifice of the subject of knowledge.

Beliau meneruskan...

*The desire for knowledge has been transformed among us into a passion which fears no sacrifice, which fears nothing but its own extinction. It may be that mankind will eventually perish from this passion for knowledge.*⁷

4 Masalah Subjek dan Autonomi

Walaupun penekanan terhadap subjek seolah tampak seperti projek akhir hidupnya, Foucault telah pun memberitahu bahawa:

*the goal of my work during the last twenty years has not been to analyze the phenomena of power, nor to elaborate the foundations of such an analysis. My objective, instead, has been to create a history of the different modes by which, in our culture, human beings are made subjects.*⁸

Foucault membentang tiga jenis atau cara objektifikasi subjek (yakni cara-cara di mana subjek menjadi objek pengetahuan), dalam erti kata lain ini ialah analisa bagaimana subjek dipenjarakan oleh relasi/kuasa pengetahuan melalui kondisi kebenaran/episteme yang kontinjen, dan historikal.

4.1 Praktik pembezaan (*dividing practices*)

Dalam praktik ini, Foucault dalam karya memberi contoh bagaimana orang yang tiada rumah (*leper/homeless*) disisihkan di zaman pertengahan: pengurungan orang miskin, orang gila, pada tahun 1656 di Paris. Selain itu, penubuhan institusi psikiatri moden juga menjadi contoh penting yang amalannya menyusup masuk di

⁷Foucault 1978, hlm. 96, 163.

⁸Rabinow 1984, hlm. 7.

hospital, penjara, dan klinik sekitar kemuncaknya di kurun ke-19 ke kurun-20. Praktik ini dapat kita lihat dengan terperinci dalam karya Foucault seperti *Madness and Civilization* (yang mengkaji tentang konsep “orang gila” dalam *period* sejarah yang berbeza), *Birth of the Clinic* (mengkaji praktik perubatan moden dan bagaimana pesakit diobjektifikasi) dan *Discipline and Punish* (mengkaji bagaimana institusi membuat kawalan keatas individu melalui teknik-teknik kuasa).

4.2 Klasifikasi sains (*scientific classifications*)

Ini lahir dari bentuk penelitian/penyiasatan (*inquiry*) pengetahuan yang menjadi “sains pengetahuan”, yang ‘*objectivizing of the speaking subject in grammair generale, philology, and linguistics...or the objectivizing of the productive subject, the subject who labors, in the analysis of wealth and of economics. Or...the objectivizing of the sheer fact of being alive in natural history or biology*’.⁹ Dalam bukunya *The Order of Things*, disiplin-disiplin pengetahuan ini mengambil bentuk yang berbeza dalam period sejarah, misalnya dalam disiplin bahasa, “*general grammar*” menjadi linguistik; dalam disiplin organisme hidup, sejarah alam menjadi biologi; dari sudut kewangan, dari sains harta menjadi ekonomi.

4.3 Subjektifikasi

Bentuk ketiga ini paling relevan dan penting terhadap projek akhir Foucault dalam subjek. Ini adalah bagaimana manusia menjadikan diri mereka “subjek”. Berbeza dengan kedua bentuk objektifikasi di atas, subjek melalui proses subjektifikasi, secara aktif membentuk dirinya, yang selalunya pengantara-pengantara, wakil-wakil institusi kuasa (figura autoriti seperti Paderi dalam tradisi Kristian, psikoanalisis/psikiatris dalam perubatan) yang menuntut dan mengawal dirinya. Menurut Foucault: ‘*This self-formation has a long and complicated genealogy; it takes place through a variety of operations on (people’s) own bodies, on their own souls, on their own thoughts, on their own conduct*’.¹⁰

Subjektifikasi ini, dalam pada menunjukkan batas-batas subjek dalam membentuk dirinya, dalam masa yang sama ia juga peluang

⁹Foucault 1982, hlm. 208.

¹⁰Foucault t.th.

bagi kondisi autonomi subjek untuk memanipulasi secara aktif praktik kawalan kuasa ke atas dirinya dengan mengamalkan apa yang Foucault sebut sebagai “*the care of the self*”. Ianya juga adalah salah satu bentuk “*art of involuntari servitude*”, yakni subjek mempunyai kesedaran terhadap diri sendiri dan persekitaran, malah berhadapan dengan relasi kuasa, sebagai praktik kebebasan. Walau bagaimanapun praktik kebebasan (*practices of freedom*) ini tidaklah boleh sewenangnyanya disamakan dengan proses kebebasan (*process of liberation*). Ini kerana, seperti yang telah kita maklum sebelumnya, kebebasan bukan sebuah keadaan di mana subjek bebas dari batasannya.

Misalnya dalam persoalan seksualiti, Foucault mengatakan:

*This is precisely the problem I encountered with regard to sexuality: does it make any sense to say, ‘Let’s liberate our sexuality?’ Isn’t the problem rather that of defining the practices of freedom by which one could define what is sexual pleasure and erotic, amorous and passionate relationships with others? This ethical problem of the definition of practices of freedom, it seems to me, is much more important than the rather repetitive affirmation that sexuality or desire must be liberated.*¹¹

Foucault mengingatkan bahawa beliau tidak mahu jatuh dalam perangkap “*liberation*” yang konvensional, dalam erti kata, manusia itu ditekan (*repressed*) oleh pelbagai halangan oleh dinamik kuasa (misalnya dalam soal seksualiti), maka, ketiadaan halangan ini akan menemukan kita semula dengan potensi diri kita yang sebenar. Ini naratif yang tidak mahu beliau teladani. Ketika ditanya, bukannya praktik kebebasan memerlukan beberapa sejenis kebebasan (*liberation*), beliau menjawab:

*I agree with you that liberation is sometimes the political or historical condition for a practice of freedom. Taking sexuality as an example, it is clear that a number of liberations were required vis-it-vis male power, that liberation was necessary from an oppressive morality concerning heterosexuality as well as homosexuality. But this liberation does not give rise to the happy human being imbued with a sexuality to which the subject could achieve a complete and satisfying relationship. Liberation paves the way for new power relationships, which must be controlled by practices of freedom.*¹²

¹¹Foucault 1997b, hlm. 283.

¹²Foucault 1997b.

5 *Epimeleia Heautou* dan *Parhessia*

Epimelia Heatou atau “*The Care of the Self*” adalah sebuah cara pembentukan diri secara aktif lantas kawalan dan penguasaan ke atas diri dengan kesedaran terhadap situasi masa, sejarah, dan tempat subjek. Penguasaan ke atas diri ini bukan sahaja kawalan terhadap pemikiran, bahkan, emosi, nafsu, dan kesenangan. Kawalan ini bukanlah bermaksud membataskan diri seperti mana yang diajarkan agama atau moraliti. Foucault menjelaskan:

*It is a matter of acts and pleasures, not of desire. It is a matter of the formation of the self through techniques of living, not of repression through prohibition and law.*¹³

Ianya adalah sebuah “*ethos*” yang mana memerlukan kita menguji batas-batas yang diletakkan masyarakat ke atas kita sama ada melalui kongkongan agama atau moraliti. Ianya adalah ajakan membina etika dan kod moral individu tersendiri. Namun ia bukanlah bermakna idea tentang etika dan moral itu dapat dicipta melalui subjek secara independen daripada relasi kuasa yang mendepaninya. Mengambil contoh dari Greek, Foucault menjelaskan “*ethos*” sebagai praktik kebebasan:

*For the Greeks, (ethos) was the concrete form of freedom; this was the way they problematized their freedom. A man possessed of a splendid ethos, who could be admired and put forth as an example, was someone who practiced freedom in a certain way... Extensive work by the self on the self is required for this practice of freedom to take shape in an ethos that is good, beautiful, honorable estimable, memorable and exemplary.*¹⁴

Malah, “*the care of the self*” ini sering kali juga sekaligus sebagai “*gnothi seauton*” (*Know Yourself*). Bagi Foucault, Socrates, seperti yang saya sebut di atas, ialah contoh terbaik yang mengamalkan “*the care of the self*” melalui cara “*know yourself*”, yakni, Socrates menjaga dirinya dengan sering merefleksi terhadap fikirannya sendiri dan sangat peduli dengan bagaimana orang lain merefleksi dengan fikiran mereka. Socrates, menurut Foucault, bukan sahaja mencari kebenaran dengan “*set of propositions*” akan tetapi mempraktikkan dialektik dengan orang lain supaya kehidupan dan cara hidup mereka dapat diuji kesahihannya. Falsafah yang diamalkan Socrates

¹³Foucault 1997a, hlm. 89.

¹⁴Foucault 1997b, hlm. 29.

adalah satu praktik untuk kemajuan etika.¹⁵ Malah, “*Parrhesia Act*” Socrates ialah sebuah etika yang “*speak truth to power*”. Foucault menerangkan, ‘*parrhesia is the free courage by which one binds oneself in the act of telling the truth. Or again, parrhesia is the ethics of truth-telling as an action which is risky and free*’. *Parrhesia* juga adalah bentuk “*ultimate self-legislation*”, yang tidak mengambil “*truth*” daripada *normative value*, akan tetapi “*truth*” sebagai “*ethical value itself*”. Maka, sekiranya autonomi subjek adalah pada komitmennya kepada “*kebenaran*”, maka mencari kebenaran adalah “*the highest practice of self*”.¹⁶

6 Praktik Kebebasan Foucault sebagai *Ethos* “*The Care of The Self*” dan Konsep Moderniti Baudelaire

Minat Foucault untuk membawa aspek kritikal terhadap projek Pencerahan Kant dan konsep moderniti Baudelaire mungkin pada asalnya kelihatan janggal. Walau bagaimanapun, seperti mana Pencerahan yang tidak terikat dengan kerangka zaman Kant, begitu juga konsep moderniti Baudelaire yang tak terikat pada zamannya yakni zaman eropah kurun ke 19 yang dilatari trend estetiks. Apa yang Baudelaire maksudkan dengan moderniti ialah dalam setiap kini dengan kekiniannya, atau kini dengan kualiti spontannya, yang di masa akan datang menjadi antikuiti, juga mempunyai elemen yang abadi (*or classical*). Ini bermakna menurut Foucault, analisis moderniti Baudelaire mengandungi elemen yang dapat diguna pakai untuk pelbagai fasa sejarah moderniti yang lain termasuklah era kita sendiri.

Foucault bersetuju dengan analisa Baudelaire kerana dua perkara. Pertama, beliau berminat dengan cara Baudelaire menjelaskan tentang ketidakhubungan waktu. Di tahap ini, moderniti Baudelairean menunjukkan satu pemisahan dari tradisi, satu rasa kebaruan (*novelty*) di dalam aliran waktu. Dalam erti kata Foucault dalam keabadian aliran waktu, konsep moderniti Baudelaire adalah upaya untuk menggapai yang abadi dalam perjalanan waktu. Keabadian ini bukanlah sesuatu yang di luar kesekarang akan tetapi mestilah dijumpai di dalam kekinian itu sendiri.¹⁷ Jadi, ianya semacam satu

¹⁵Robinson t.th.

¹⁶Taylor 2011, hlm. 173-186.

¹⁷Foucault 1984, hlm. 39.

konsep universal yang disejajarkan.

Keduanya ialah, Foucault menjumpai di dalam tulisan Baudelaire, model tentang seni diri, dan memahami model ini sebagai bentuk hubungan yang perlu dibina terhadap diri sendiri. Beliau juga merujuk kepada penyikapan moderniti Baudelaire yang berkait rapat dengan *aecetism*. Watak *fiktif non fiktif* Baudelaire yang boleh kita rujuk dalam konsep ini ialah “*dandy*” atau *flaneur*; jenis artis moden. Manusia moden Baudelaire melalui karakter *dandy* ini ialah keupayaan individu untuk menyemai kecantikan moden di dalam keperibadiannya, dan mencukupkan keinginannya, semangatnya, perasaannya, dan apa yang difikirkan.

Di tahap ini, moderniti bagi Baudelaire menunjuk satu bentuk kewujudan “*cult of the oneself*” (*culte de soi-mem*), penyembahan diri, penyanjungan diri, yang bersandarkan pada ketidakaktifan yang bertentangan dengan masyarakat, yakni, upaya berterusan memaparkan keaslian dirinya terhadap era sejarah yang ia diami. Bagi seorang *Flaneur*, jalan-jalan di kota memaparkan pentas bagi transisi kehidupan moden yang menjadi kanvas untuk ekspresi kecantikan yang ditunjukkan melalui fesyen, gaya tubuh, wajah, atau mudahnya kepelbagaian masyarakatnya. Kecantikan moden ini bukanlah konvensional akan tetapi sentiasa dalam ketidakhubungan (*discontinuities*), mengalir, mengarut, dan pelik. Ia sebenarnya membuka ruang pada kelainan dan kepelikan, keterputusan (*ruptures*) sebagai kualiti yang esensial.

Maka moderniti Baudelaire bukanlah membebaskan seseorang itu untuk dirinya, akan tetapi menuntut seseorang bertugas untuk sentiasa mencipta dirinya.¹⁸ Dalam erti kata yang lain, manusia moden tidak akan dapat menjumpai kebenaran tentang dirinya, rahsia yang tersembunyi tentang dirinya, akan tetapi mencuba untuk mencipta dirinya melalui praktik estetik diri yang personal.

Ini juga bermaksud, untuk menjadi moden, mestilah memilih untuk menjadi moden. Sikap orang moden lantas menjadi kejaguan kewujudan (*existential heroism*) kerana jalan moderniti itu sukar, penuh ketidaktentuan dan risiko. Ketidaktentuan ini adalah kerana kreativiti manusia moden itu kontinjen dan imaginatif. Makna kata, dalam bermuhasabah terhadap alam, manusia bukan semata meniru realiti, akan tetapi menjadi hidupnya sebuah karya yang bersumberkan kreativiti dirinya sendiri.

¹⁸Foucault 1984, hlm. 32.

Bagi Baudelaire, seperti mana Foucault, pemberhalaan diri ini adalah manifestasi budaya kelainan. Dalam erti kata yang lain, seorang *dandy* yang bagus tidak mengikut apa-apa aturan, undang-undang, ataupun norma; mahupun nilai-nilai rasmi seperti duit, *conformity*, *heterosexuality*, perkahwinan. Seorang *dandy* adalah contoh terbaik keterasingan individu dari masyarakat dan budaya rasmi. Penyikapannya merupakan suatu tentangan terhadap budaya borjuis dan kapitalis yang mengagungkan gaya hidup rasional dan utilitarian. Tambahan pula, pembudayaan estetik diri seorang *dandy* juga merupakan perlawanan politik dan sosial; yakni, ianya menunjukkan batas yang dikenakan oleh masyarakat ke atas individu dan menguji batas ni dengan membuat kelainan, unik tanpa tujuan melainkan kesenangan individu dan kepuasan estetik.

Maka, oleh kerana alam tidak memberi kita panduan tentang moraliti, “Apa sahaja yang baik ialah apa sahaja karya seni”, Maka menurut Baudelaire, moraliti seperti juga kecantikan, mestilah berpandukan “tuntutan kecantikan” berbanding alam. Seorang *dandy* ialah seorang pencipta dan juga objek ciptaannya. Penyemaian estetik yang dibuat ke atas badannya adalah untuk mengtransformasikan seninya menjadi seni kehidupan, cara hidupnya sebagai keperibadiannya. Pokok penting dalam kebahagiaan seorang *dandy* ialah tubuhnya, yang dianggap sebagai karya artifisial mengambil alih kecantikan semula jadi.

Prinsip estetik kurun ke-19 ini jika kita lihat nampak seperti penyemaian budaya narsistik tentang penampakan tubuh seseorang. Namun seperti kata Anthony Giddens, budaya moden ini lebih menjurus kepada kepentingan untuk membina dan mengawal tubuh.¹⁹ Dan kita dapat lihat kaitan antara karya yang dibuat ke atas tubuh dan gaya hidup yang dipersembahkan seperti, amalan diet dan pertunjukan pakaian oleh para *dandy*.

Contoh yang lain ialah, penyemaian seksualiti sebagai salah satu ciri-ciri tubuh, yang Baudelaire selalu rujuk sebagai gender yang *androgynous* bagi para *dandy*. Dengan menjadikan seksual badan sebagai tapak penciptaan estetik, yang mempersembahkan budaya kelainan dan kepelbagaian. Estetik diri, menjadi asas dan esensi untuk menguji batas kini dan diri kita, dalam masa yang sama memmanifestasikan bukan sahaja cara hidup individu akan tetapi falsafah, moral, dan sikap politiknya terhadap masyarakat.

¹⁹Giddens 1991, hlm. 7.

Walaupun tindakan kritikal *dandy* memusatkan aktiviti pada semangat dan emosi daripada akal, projeknya masih sangat rapat dengan subjek Pencerahan Kant. Ini kerana Foucault dan Baudelaire kedua-duanya masih mencari autonomi individu pada subjek moden dalam konteks kekinian yang sentiasa berusaha membebaskan diri daripada norma dan ikatan material masyarakat. Keduanya mengulangi karakter esensial Pencerahan, yakni individu haruslah mengatasi alam untuk menjadi “matang”. Dalam cubaan membentuk estetik diri moden, alam telah menjadi “Yang Lain” yang jahat, yang bertentangan dengan proses Pencerahan, bahawa upaya individu untuk membentuk-ulang dan mengawal diri melalui praktik estetik.

Maka, Baudelaire menganggap; lebih jauh kehidupan moden dari masyarakat, lebih kuat ia membawa kepada estetik moden dan lebih sukar rekonsiliasi untuk dicapai. Kesukaran yang sama dapat dilihat pada ketidakpuasan seorang *dandy* yang mengasosiasikan dirinya dengan penjual barang terpakai Paris, gadis peminta sedekah, dan pelacur. Ini kelihatan sama seperti Foucault yang menjadikan si gila dan homoseksual sebagai figura wira moden yang akhirnya tidak membawa kepada kebahagiaan dan rekonsiliasi.

Maka Baudelaire dan Foucault sangat meragui kejayaan proses Pencerahan. Seperti kata Foucault ‘*I do not know whether we will ever reach mature adulthood*’.²⁰ Ini kerana, walaupun kemungkinan estetik diri yang kritikal ini dapat mengubah kondisi sosial, boleh jadi kebebasan yang sebenar tidak dapat dicapai kerana, kebebasan bukan satu perkara yang tetap sifatnya. Kita punyai potensi dan kemungkinan yang diberi nama “kebebasan” dalam erti kata menguji batas-batas yang diletakkan masyarakat walau agak mustahil untuk mengatasinya. Foucault sedar bahawa estetik diri bagi setiap insan ada kemungkinan besar juga dibentuk oleh pelbagai pengaruh luar dan dalam masa yang sama mencuba membentuk diri orang lain pula.

7 Kesimpulan: Dilema Foucault

Foucault menyebut tiga aksiom penting yang perlu digarap secara spesifik melalui keterhubungannya jika kita ingin menjawab persoalan “siapa kita” dan “apakah era yang kita alami?”, iaitu aksis pengetahuan, kuasa, dan etika. Menurut Foucault, sejarah ontologi diri kita haruslah menjawab pelbagai persoalan-persoalan

²⁰Foucault 1984, hlm. 46.

yang diantaranya ialah 'Bagaimana kita dibentuk sebagai subjek oleh pengetahuan kita sendiri? Bagaimana kita dibentuk sebagai subjek yang bertindak dan tunduk terhadap relasi kuasa? Bagaimana kita dibentuk sebagai subjek moral terhadap tindakan kita sendiri?'.²¹

Dalam masa yang sama, soalan kritikal yang baru akan muncul, yakni, sekiranya Foucault tidak mencuba untuk menyediakan norma-norma *valid* yang universal bagi tindakan manusia dan moraliti, bagaimana kita berhadapan dengan situasi di mana subjek melakukan jenayah, merogol, dan membunuh; sebagai contoh, bahawa mereka hanyalah menjalankan kebebasan mereka dan mencipta estetik unik kewujudan diri mereka? Dari manakah kita mencari kriteria moral bagi tindakan kita jika apa yang subjek berautonomi ada hanyalah tindakannya menguji batas-batas dirinya dan juga persekitarannya? Ini sudah tentu bukan soalan yang sambil lewa. Ini kerana jika kita membataskan diri kita terhadap pengujian yang *partial* dan lokal (seperti mengenal pasti praktik individu terhadap dirinya), kita berisiko membiarkan diri kita terdedah kepada struktur yang lebih jeneral dan di luar kawalan kita tanpa kita sedari.²²

Foucault mencadangkan dua solusi bagi masalah ini. Pertama, beliau mencadangkan kita perlu berhenti berharap kepada satu sudut pandang yang akan memberikan kita akses terhadap pengetahuan yang mutlak dan lengkap yang membataskan sejarah kita. Pendek kata, kita akan dapat keseluruhan pengetahuan terhadap sejarah kita akan tetapi kita boleh membentuk perspektif yang *valid* terhadap era yang kita alami secara spesifik dan juga terhadap diri kita sendiri. Kedua, ini tidak bermaksud kita tidak dapat menjalankan apa-apa tindakan kerana praktik kritikal terhadap diri juga mempunyai elemen-elemen yang jeneral, sistematik dan *homogenous*.²³ Jadi walaupun Foucault sangat historisis dalam melihat upaya Pencerahan, beliau masih melihat subjek sebagai berupaya melangkau batas-batas sejarah yang membelenggu dirinya. Maka daripada mahu menjalankan transformasi besar-besaran, Foucault menganjurkan kita membuat transformasi yang spesifik dan disituasikan sejarah tertentu berkenaan dengan cara kita berfikir, hubungan dengan kuasa; dan sudut pandang kita terhadap seksualiti, ketidakwarasan atau penyakit. Ianya adalah etos falsafah yang '*a historico-practical test of the limits that we may go beyond, and thus as work carried out by*

²¹Foucault 1984, hlm. 48-49.

²²Foucault 1984, hlm. 47.

²³Foucault 1984.

ourselves upon ourselves as free beings'.²⁴

Noam Chomsky dalam debatnya dengan Foucault, menyebut *'there are two intellectual tasks: one, and the one which I was discussing, is to try to create the vision of a future just society. Another task is to understand very clearly the nature of power and oppression and terror and destruction in our own society*'.²⁵ Saya berharap makalah kali berhasil memberi kefahaman terhadap bentuk kuasa yang menindas masyarakat melalui sistem pengetahuan/kekuasaan melalui pelbagai bentuk subjektifikasi, namun seperti yang pembaca sedia maklum, tiadalah daya dan upaya saya malah Foucault sendiri dalam menawarkan visi masyarakat yang ideal. Semoga tugas itu diteruskan oleh para pembaca! *"Sapere Aude!"*

Rujukan

Chomsky-Foucault Debate Transcript

2016 *Chomsky-Foucault Debate Transcript*, <http://www.desre.alitat.org/2013/05/foucault-chomsky-full-version-transcript.html> (diperoleh 07/08/2016).

Foucault, Michel

- t.th. "Howison Lectures".
- 1978 *Nietzsche, Genealogy, History*.
- 1982 "The Subject and Power", dlm. *Michel Foucault: Beyond Structuralism and Hermeneutics*, pnyt. Hubert Dreyfus & Paul Rabinow, Chicago: University of Chicago Press.
- 1983 "Structuralism and Post-structuralism", dlm. *Aesthetics, Method, and Epistemology*, pnyt. James D. Faubion, UK: The Penguin Press.
- 1984 "What is Enlightenment", dlm. *Foucault Reader*, pnyt. Paul Rabinow, Pantheon Books.
- 1988 *Technologies of Self: A Seminar with Michel Foucault*, pnyt. Luther H. Martin, Huck Gutman & Patrick H. Hutton, USA: University of Massachusets Press.
- 1997a "Subjectivity and Truth", dlm. *Ethics, Subjectivity and Truth*, pnyt. Paul Rabinow.

²⁴Foucault 1984, hlm. 46-47.

²⁵Chomsky-Foucault Debate Transcript 2016.

- 1997b "The Ethic For the Concern of Self as a Practice of Freedom", dlm. *Ethics, Subjectivity and Truth*, pnyt. Paul Rabinow, New York: The New Press.
- Foucault, Michel & Colin Gordon
1980 *Power/knowledge: selected interviews and other writings, 1972-1977*, New York: Pantheon Books.
- Giddens, Anthony
1991 *Modernity and Self-Identity: Self and Society in the Late Modern Age*, Cambridge: Polity Press.
- Rabinow, Paul
1984 ((Pnyt.)), *Foucault Reader*, Pantheon Books.
- Robinson, Bob
t.th. "Michel Foucault: Ethics", *Internet Encyclopedia of Philosophy*, <http://www.iep.utm.edu/fouc-eth/>.
- Taylor, Dianna
2011 "Practices of the Self", dlm. *Foucault: Key Concepts*, pnyt. Dianna Taylor, Durham: Acumen.